



### KELESTARIAN MASA DEPAN: PEMBANDARAN HIJAU DALAM MEMACU BANDAR KE ARAH KEMAMPUAN DAN KESEJAHTERAAN

Haliza Abdul Rahman<sup>1,2</sup>

<sup>1</sup>Institut Pengajian Sains Sosial, Putra Infoport, Universiti Putra Malaysia,

<sup>2</sup>Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan,  
Universiti Putra Malaysia



#### PENGENALAN

- Bandar merupakan salah satu tempat yang mampu menyediakan peluang ekonomi, sosial dan kemudahan asas yang baik kepada warga bandar.
- Kini, kawasan bandar semakin berkembang dan mengalami proses pembangunan pesat.
- Umumnya, terdapat empat dimensi kehidupan bandar untuk menilai kejayaan dan kelesaan bandar-bandar di Malaysia iaitu kesejahteraan komuniti dan individu, kesejahteraan persekitaran bandar, kesejahteraan sosio-ekonomi dan sistem governans yang lestari (Abdul Hadi et al., 2010).

#### PERNYATAAN MASALAH

- Pembangunan pesat di bandar telah memberi ancaman terhadap kawasan hijau bandar (Amal Najihah & Saiful, 2019).
- Bandar juga menjadi penyumbang kepada pembebasan gas karbon dioksida yang menjadi punca utama kesan rumah hijau.
- Perbandaran yang pantas turut memberi tekanan kepada bekalan air bersih, kumbahan, persekitaran hidup dan kesihatan awam (mampankini, 2019).
- Pembangunan yang tidak dirancang dengan rapi mengakibatkan berlakunya bencana persekitaran seperti banjir kilat dan tanah runtuh serta masalah pelupusan sisa toksik dan pepejal.

#### OBJEKTIF

- Objektif kajian ini adalah untuk melihat cabaran pembangunan bandar terhadap alam sekitar dan kesejahteraan penduduknya dan bagaimana memacu bandar ke arah kemampuan dan kesejahteraan.

#### METHODOLOGI

- Data sekunder yang dikumpul daripada jurnal, prosiding, buku dan sumber internet mengenai topik tersebut.

#### DAPATAN DAN RUMUSAN

- Mewujudkan konsep 'bandar dalam taman' atau 'hutan dalam bandar' dengan menyediakan lebih banyak kawasan hijau seperti taman, tempat rekreasi dan semula jadi atau buatan (Amelia, 2009).
- Memelihara kualiti dan lanskap persekitaran bandar untuk rekreasi bagi meningkatkan potensi tarikan pelancongan.
- Konsep bangunan hijau dapat memaksimumkan kecekapan tenaga, air dan penggunaan bahan serta mengurangkan pelepasan gas rumah hijau terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar.
- Memperluas usaha menanam pokok di kawasan perumahan dan pembangunan baharu mampu menyejukkan udara serta boleh menarik kehadiran hidupan liar bagi mencipta suasana hutan di bandar.
- Pembangunan kawasan lapang dan hijau boleh menjadikan bandar lebih berdaya tahan, sejajar dengan matlamat Malaysia untuk mencapai Agenda Pembangunan Mampu 2030.
- Perancangan bandar yang baik dan penyelarasan antara pelbagai agensi sama ada di peringkat persekutuan, Kerajaan Negeri dan daerah adalah penting supaya matlamat perancangan dan pembangunan bandar lestari tercapai dengan sepenuhnya (Dani, 2008).
- Polisi dan garis panduan pembangunan adalah penting dalam menentukan kelesaan dan kelestarian bandar.
- Dapat dirumuskan bahawa perancangan bandar di negara ini harus memberikan tumpuan terhadap corak penempatan, penyediaan kemudahan, infrastruktur yang lengkap, mencukupi dan lestari di samping mengambil kira faktor kesejahteraan alam sekitar kepada penduduknya.

#### RUJUKAN

1. Abdul Hadi Harman Shah, Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus & Ahmad Fariz Mohamed. (2010). Kelestarian Bandar sebagai Habitat Manusia. Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation Abdul Hadi Harman Shah et al. 28(2): 175 – 194.
2. Amal Najihah Muhamad Nor and Saiful Arif Abdullah (2019). Developing Urban Green Space Classification System Using Multi-Criteria: The Case Of Kuala Lumpur City, Malaysia. Journal of Landscape Ecology (2019), Vol: 12 / No. 1.
3. Amelia Ahmad. (2009). Pengenaln Kepada Taman Bandar. Dlm Halmi Zainol et al (Pnyt).Perspektif Perancangan. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA. 67-84
4. Dani Salleh.( 2008). Urbanisasi: Perancangan dan Kawalan. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

